

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L  
RAJAJI (JELUTONG)**

**SOALAN**

**TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI (JELUTONG)** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia untuk memupuk perpaduan dan mengatasi masalah polemik perkauman yang meruncing dewasa ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) sentiasa menggalakkan Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) melaksanakan penerbitan program-program yang memupuk semangat hidup bersatu padu agar ia boleh menyuntik kerukunan dan penyatuan rakyat berbilang kaum di negara ini. RTM semenjak penubuhannya, telah memainkan peranan dalam memupuk perpaduan antara kaum dengan jayanya. RTM sentiasa memainkan peranan untuk meredakan suasana ketegangan dalam masyarakat dengan penyampaian maklumat benar dan seimbang, dan pendekatan seumpama sehingga ke hari ini tetap diteruskan.
2. Pada masa sama, Kod Etika Penyiaran yang menjadi rujukan siaran RTM telah dirangka dengan teliti agar kandungan penyiaran yang

diterbitkan di semua platform, menjaga sensititi semua kaum, budaya dan agama.

3. Kandungan rancangan terbitan RTM, juga perolehan rancangan terbitan pihak swasta dipastikan agar membawa semangat kerukunan hidup masyarakat majmuk berbilang kaum yang menjadi asas pembinaan negara ini.

4. Daripada aspek siaran, TV1 sebagai contoh, memaparkan program berunsurkan perpaduan selama lebih 2000 jam sejak Januari 2019 hingga kini. Ia merangkumi drama, telemovie dan dokumentari. Manakala saluran TV Okey pula, 206 jam siarannya pada tahun ini telah memaparkan kemajmukan pelbagai kaum di Malaysia termasuk suku kaum di Sabah dan Sarawak menerusi pelbagai genre program.

5. Kebelakangan ini juga RTM sedar bahawa acara sukan telah berjaya memupuk penyatuan rakyat di negara ini. Untuk itu, RTM menumpukan usaha mengukuhkan rancangan sukan ini dengan menyiarkan pelbagai perlawanan yang bukan sahaja dapat menghimpunkan rakyat Malaysia pelbagai kaum amnya, malah secara tidak langsung menyemai semangat cintakan negara terutama dalam kalangan anak muda. Hampir 400 jam rancangan sukan telah disiarkan tahun ini.

6. Berdasarkan kajian dalam kalangan penonton yang dilaksanakan RTM, didapati penonton menggemari penerbitan video pendek seperti kapsul dan promo sebagai medium penyampaian mesej. RTM telah mempelbagaikan usaha ke arah itu menerusi penerbitan kapsul bertemakan perpaduan dan disiarkan menerusi platformnya terutama media sosial dengan matlamat agar ia dapat menyuntik semangat perpaduan dalam kalangan rakyat terutama kalangan anak muda.

7. BERNAMA juga secara berterusan mengutamakan pelbagai laporan berita, rencana, temu bual khas dan program bual bicara berunsurkan perpaduan dan keharmonian masyarakat majmuk dan semangat cintakan negara sepanjang tahun. Usaha ini dipergiatkan lagi pada sambutan bulan

kemerdekaan terutamanya Ogos dan September dan dihebahkan menerusi platform konvensional dan media sosial BERNAMA serta saluran televisyen Bernama *News Channel* (BNC) dan Bernama Radio.

8. Antara pengisian berita adalah untuk memupuk keharmonian, kemajmukan dan saling hormat menghormati sesama sendiri tanpa mengira kaum, agama dan bangsa.